

BAB 3
SEJARAH MANUSKRIP HADITH
DI ALAM MELAYU

BAB 3

SEJARAH MANUSKRIP HADITH DI ALAM MELAYU

3.1 Pendahuluan

Hubungan antara Nusantara dengan Arab dan Parsi telah lama wujud iaitu sebelum kelahiran agama Islam lagi sekitar abad ke 5 M. Hubungan tersebut baik secara langsung atau tidak langsung, kekal hingga lahirnya Islam di Semenanjung Tanah Arab sejak abad ke 7 Masehi. Para pedagang Arab dan Parsi datang ke Nusantara bagi mendapatkan barang-barang keperluan utama seperti rempah ratus, lada, kemenyan juga kapur barus¹.

Walaupun kedatangan mereka dengan tujuan tersebut, mereka adalah penganut Islam yang mempunyai mesej mulia untuk memperkenalkan Islam kepada penduduk Nusantara. Buktinya, mereka berada di Nusantara beberapa bulan dan ada yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Ekoran penguasaan Islam ke atas Rom dan Parsi oleh Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb (634-644 M), bangsa Parsi yang ketika itu ada yang bermukim di Perlak dan Pasai, telah menerima Islam dan turut menyebarkannya kepada penduduk tempatan².

Menurut pengkaji sejarah, terdapat bukti bahawa pada abad pertama Hijrah bersamaan abad ke 7 Masehi sekitar tahun 684 Masehi yang menunjukkan

¹ Antara tempat yang dilalui dan dituju ialah Barus (Fansur), Lamri, Andaman, Nias, Nicobar, Kedah, Kelang dan Melaka di Tanah Melayu, Jawa, Srivijaya, Pahang, Tioman dan Malayur. Pada masa itu terdapat banyak bekalan kapur barus di Pelabuhan Barus, Sumatera. Dada Meuraxa (1973), *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Barus Sumatera Utara*. Medan: Penerbit Sasterawan, h. 14-16.

² *Ibid.*

orang-orang Arab sudah sampai di Sumatera dan berkampung di bahagian barat pulau tersebut³. Mereka mendapat penghormatan dari raja-raja dan masyarakat tempatan serta mendapat mandat menjalankan dakwah mereka. Bahkan ada kalangan mereka yang bekahwin dengan kerabat diraja dan mendapat keturunan hasil perkahwinan ini⁴.

Antara lain juga, terdapat golongan ‘Alawiyyin yang mlarikan diri dari kerajaan Bani Umaiyyah datang ke Nusantara terutama di kepulauan Sila; iaitu pulau-pulau Sulu, Sulawesi dan Kalimantan. Mereka turut menyebarkan Islam dan kepada penduduk tempatan. Ahli-ahli sejarah juga berpendapat pada abad ke 8 dan 9 Masehi, terdapat saudagar-saudagar Arab, Parsi dan India tertumpu di gugusan kepulauan Melayu seperti Sumatera, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Kalimantan dan Sulawesi⁵.

Menurut Tun Sri Lanang pula, agama Islam mulai sampai dan bertapak di Tanah Melayu kira-kira pada permulaan kurun ke 15 M., dibawa oleh seorang saudagar Arab bernama Saidi⁶ Abdul Aziz dengan mengIslamkan raja Melaka bernama Raja Kecil Besar dan kemudiannya nama raja tersebut diubah kepada

³ Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah, h. 55 dan 56; Ismail Hamid (1983), *The Malay Islamic Hikayat*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 13; Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: DBP, h. 34-40.

⁴ Jamil 'Abdullah Muhammad al-Misri (1996), Dr., *Hādir al-'Ālam al-Islāmi*. c. 3. Riyadh: Maktabah al-'Abikān, 1:458 dan 459.

⁵ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 58.

⁶ Van Dan Berg mengatakan bahawa pengaruh yang besar dalam penyebaran Islam adalah dari para Saidi atau Sayid atau Syed atau Syarif dari Hadramaut, Semenanjung Tanah Arab. Mereka menyebarkan Islam melalui para raja dan sultan Hindu di Jawa dan lainnya. 'Alwi Ibn Tāhir Ibn 'Abd Allāh al-Haddād (1971), *al-Madkhāl Ilā Tārīkh al-Islām fi al-Syārq al-Aqṣā*. Mesir: Mu'assasah al-Muḥdar, h. 201.

nama Islam iaitu Megat Iskandar Shah (1403-1424 M). Kenyataan ini dibuktikan dengan catatan ahli sejarah Cina bahawa raja Melaka pada tahun 1409 M sudah beragama Islam dan pengaruh Islam telah sampai di Sumatera Barat juga di sempadan negeri Siam di Utara⁷.

3.2 Latar Belakang Pengajian Islam di Alam Melayu

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, pengajian Islam bermula di istana dan sebagai pusat simpanan bahan-bahan pengajaran. Lebih dari itu, istana juga berfungsi sebagai pusat penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab, Contohnya *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad 'Ali Hanafiyah*, *Kitāb Ma'lumāt* dan *al-Durr al-Manzūm* oleh Abū Ishāq al-Syīrāzī⁸.

Sebelum tulisan Jawi digunakan, ajaran agama disampaikan secara lisan. Lama kelamaan apabila ada di kalangan masyarakat Melayu yang dapat menguasai tulisan dan boleh membaca serta menulis, mereka akan menulis ajaran-ajaran guru di dalam kitab-kitab dengan tulisan tangan kerana tidak ada lagi alat percetakan pada waktu itu.

Pada peringkat ini pengajian adalah bertumpu kepada perkara-perkara asas dalam agama yang dikenali dengan fardu ain. Lama kelamaan apabila masyarakat sudah memahami fardu ain, kitab-kitab berbahasa Arab dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu mula diperkenalkan dan diajar. Kalangan penulis ada yang yang

⁷ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h 37.

⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, h. 126.

mahir membaca kitab-kitab agama dalam bahasa Arab menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Tidak kurang juga yang menghasilkan karya mereka sendiri, sebagaimana yang kita lihat hari ini, baik masih dalam bentuk manuskrip mahu pun buku bercetak.

Pengajian semakin berkembang, begitu juga tempat yang digunakan sebagai pusat pengajian. Selain istana, pengajian juga dilakukan di rumah-rumah maulana, ulama, madrasah, surau, masjid dan rumah perseorangan. Pengajian Islam merangkumi 3 perkara pokok iaitu *fiqh*, usuluddin dan tasawuf. Kitab-kitab yang digunakan antaranya *al-Dur al-Manzūm* karya Abū Ishaq al-Syīrāzī, *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazzālī, dan *Minhāj al-Tālibīn* oleh al-Nawawī. Apa yang menarik ialah pada peringkat awal, kebanyakan guru terdiri daripada bangsa Arab seperti Makhdūm Sayid 'Abd al-'Azīz (penyebar Islam di Melaka), Kadi Yūsuf, Maulana Abū Bakar, Maulana Sadar Johan, Kadi Munawwar Abu Sahak dan lain-lain lagi⁹.

Pengajian Islam di Alam Melayu sedikit demi sedikit mengalami pengubahsuaian. Masyarakat tidak bergantung sepenuh kepada karya berbahasa Arab, tetapi juga menggunakan karya-karya yang diterjemahkan oleh pengarang tempatan juga karya asli mereka. Hal yang demikian kerana faktor bahasa yang digunakan memudahkan mereka memahami kandungannya.

Sebagai contohnya di Aceh, pengajaran yang merangkumi *fiqh*, usuluddin dan tasawuf telah menggunakan kitab, antaranya, *Syarḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah*

⁹ Mahayudin Haji Yahaya (1998), *op.cit.*, h. 312 dan 313.

karangan al-Taftazānī yang diterjemahkan oleh Nuruddin al-Raniri. Beliau juga mengarang kitab *Hidāyah al-Imām* dan *Širāt al-Mustaqīm*¹⁰.

Menurut keterangan Munsyi Abdullah, pada peringkat awalnya anak-anak diajar membaca dan menulis dan diantar oleh ibubapa mereka mengaji Al-Qur'an di rumah guru. Di samping mengaji Al-Qur'an mereka diajar berbagai-bagai ilmu melalui kitab-kitab, hikayat dan berbagai-bagai lagi. Pembelajaran merangkumi, pentafsiran Al-Qur'an, tauhid, *fiqh*, akhlak dan sirah. Memandangkan Islam mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Melayu, ulama tempatan telah menghasilkan berbagai karya dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan berbahasa Melayu bertulisan Jawi¹¹ atau rumi ataupun dalam bahasa Arab yang meliputi *fiqh*¹², tauhid¹³, falsafah, tasawuf dan akhlak¹⁴, ilmu falak, mantik, perubatan¹⁵, sejarah Islam¹⁶, sejarah umum¹⁷, bahasa Arab¹⁸ dan sebagainya. Kitab-kitab ini digunakan oleh masyarakat di keseluruhan kepulauan Melayu¹⁹.

Ada juga kitab yang diterjemahkan telah diberi nafas baru oleh ulama tempatan mengikut citarasa masyarakat Melayu agar mudah difahami. Malah ada yang menulis *syarah* kepada kitab berbahasa Arab yang ada dan dijadikan teks serta rujukan di seluruh Nusantara. Pengajian Islam di Alam Melayu mempunyai kaitan rapat dengan aliran pemikiran untuk menghasilkan sesebuah manuskrip. Hal yang demikian kerana karya-karya ulama Melayu dijadikan teks atau rujukan utama. Lantaran itu, kajian ini merasakan perlu diperkenalkan latarbelakang

¹⁰ *Ibid.*, h. 314.

pengajian Islam terutama di Patani dan Kelantan sebagai mewakili alam Melayu²⁰.

¹¹ Tulisan Jawi adalah satu seni penulisan yang telah wujud berabad-abad lamanya di negara kita. Kemunculannya berkait secara langsung dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara serta penulisan Islam baik dalam bentuk manuskrip asalnya atau buku-buku bercetakan serta risalah. Ia berasal dari tulisan Arab-Parsi yang diubahsuai mengikut intonasi budaya masyarakat Melayu dan merupakan huruf-huruf Arab yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu. Tulisan Jawi adalah antara tulisan terawal yang pernah ditemui yang digunakan dalam penulisan Islam. Tulisan ini telah berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai kemudian ke zaman Kerajaan Melaka, zaman Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Bukti kewujudan tulisan ini di Malaysia adalah dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H atau 1303M manakala tulisan Rumi yang paling awal ditemui adalah pada akhir kurun ke-19. Ini menunjukkan tulisan Jawi telah sampai ke negara ini lebih awal berbanding tulisan Rumi. Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu pertama kalinya dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dengan kedatangan saudagar dan penyebar agama Hindu ke Nusantara ini. Pengaruh yang kedua dikuasai oleh bahasa Arab. Bahasa Arab juga masuk ke alam Melayu dengan kehadiran para saudagar dan mualigh Arab. Bahasa ini bertambah subur dengan didirikannya sekolah pondok yang mengajarkan bahasa Arab kepada penuntutnya. Ia diperkuuh lagi apabila ramai penduduk tempatan belajar agama Islam di Tanah Arab dan kembali ke tanahair menyebarluaskan pengetahuan agama Islam dengan menggunakan banyak perkataan dan istilah bahasa Arab.²¹ Jadi, sehingga akhir abad ke-18, bahasa Melayu yang diperkaya oleh bahasa Sanskrit dan bahasa Arab dengan bentuk tulisan Jawi.

¹² Antara kitab yang paling masyhur digunakan ialah *Munyah al-Muṣālli* (Syeikh Daud al-Fatani), *Sirāt al-Mustaqīm* (Nuruddin al-Raniri), *Sabil al-Muhtadin* (Muhammad Arshad al-Banjari 1710-1812 M.) dan lainnya.

¹³ Antara kitab yang paling masyhur digunakan ialah *'Aqīdah al-Nājjīn* (Zainal Abidin Muhammad al-Fatani), *al-Durr al-Thamīn* dan *Sifat 20* (Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani), *'Aqīdah al-Bayān* (Tok Shihab al-Din Failembani)

¹⁴ Antara kitab yang paling masyhur digunakan ialah *Syarh Hikam* (Abd al-Rauf Fansuri), *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihat al-Qulūb* (Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan 1837-1912 M.), *Fath al-'Arīfīn* (Ahmad Khatib bin Abd al-Ghafar Sambas (1802-1879 M.)

¹⁵ Antara kitab yang paling masyhur digunakan ialah *Kitāb al-Tibb*, *Mujarrabāt* dan *Tāj al-Mulūk*.

¹⁶ Antaranya *Hikayat Nabi Muhammad s.'a.w.*, *Hikayat Para Nabi Dan Rasul*, *Hikayat Para Sahabat* dan lainnya.

¹⁷ Antaranya kitab *Hadīqah al-Azhar wa al-Riyāḥīn* (Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani), *Bustān al-Salāṭīn* dan lainnya.

¹⁸ Antaranya kitab karangan Syeikh Wan Ahmad bin Mohd Zain al-Fatani iaitu *al-Ibrīz al-Şarf fi 'Ilm al-Şarf*, *Abniyah al-Asmā' wa al-Af'alah*, *Ilmu al-Isti'ārah* dan lainnya.

¹⁹ Mahayudin Haji Yahaya (1998), *op.cit*, h. 321.

²⁰ Rasional pemilihan hanya tertumpu pada negeri-negeri ini ialah berdasarkan hasil karya dan pengaruhnya dalam masyarakat Melayu Islam. Contohnya, Patani yang mempunyai para penulis dan ulama yang ramai dan melahirkan ramai ulama lain di seluruh pelusuk Nusantara. Pemikiran mereka adalah berdasarkan atau terpengaruh dengan pemikiran guru mereka yang kebanyakannya dari Patani, baik yang belajar di Mekah atau di tanah air.

3.2.1 Patani

Penulis mendapati ramai pengarang manuskrip berasal dari Patani. Antara yang terkenal ialah Daud 'Abdullah al-Fatani, Ahmad Muhammad Zain al-Fatani, Zainal Abidin al-Fatani, Muhammad Ismail Daud al-Fatani dan lain lagi. Mereka bukan sahaja menulis dan mengajar di rantau ini tetapi juga di Masjid al-Haram, Mekah²¹.

Antara faktor ramai pengarang Patani menghasilkan penulisan dalam bidang agama kerana, sejak abad ke 17 M., Patani telah mendahului negeri-negeri lain kerana menggunakan tulisan Jawi yang dipinjam daripada huruf Arab-Parsi ke dalam penulisan atau manuskrip di pusat-pusat pengajian. Pondok yang ditubuh merupakan salah satu sumber penyebaran ajaran Islam di Nusantara dan hasil karya guru-gurunya menjadi saluran utama dalam pengajaran²².

Pada akhir abad ke 18 M. Patani terus berperanan sebagai pusat kesusasteraan Melayu berunsur Islam menerusi kelahiran ulama terkenal serta kitab-kitab karangan mereka yang termasyhur. Mereka bukan sekadar terkenal di

²¹ *Ibid.*, h. 315.

²² Perkembangan ini berkait rapat dengan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh kerajaan Saljuk di mana wazirnya Niżām al-Malik di Baghdad felah memperkenalkan satu sistem teratur iaitu dipanggil madrasah pada abad ke 11 dan sampai ke alam Melayu dengan panggilan pondok yang bermakna bangunan untuk pengembawa. Ia lebih kepada berperanan sebagai pusat pengajian rakyat. Ia diajar oleh guru yang mahir dan alim dalam bidang keagamaan. Biasanya berpendidikan dari Timur Tengah, seperti Mesir, Mekah atau Baghdad. Pondok yang terkenal ialah Pondok Dala, Bernin, Semela, Dual, Kota, Gerisik, Telok Manok dan lainnya. Awang Had Salleh (1977), "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi Dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 33-49; R.L. Winzeler (1975), "Traditional Islamic School in Kelantan", *JMBRAS*, j. 48, bhgn. I, h. 92; Muhammad Abu Bakar (1989), "Dari Pusat ke Pinggiran: Masa Kini dan masa Depan Pondok di Malaysia", dlm. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Ke-II*, 15-20 Ogos, Kuala Lumpur; Abdul Latif Hamidong (1989), *Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu*, dlm. *Tamadun Melayu*, j. 1. Kuala Lumpur: DBP, h. 774-775.

Patani malah diiktiraf di Mekah (setengahnya berpengalaman mengajar di sana) dan Nusantara²³.

Pengajian Islam di pondok memberikan penekanan kepada tiga perkara iaitu ibadat, tabligh dan amal. Ulama yang lahir dari sistem pengajian pondok tidak hanya dapat mengajar di institusi pendidikan yang lain, namun, ia juga mengarang kitab-kitab untuk digunakan oleh pelajarnya. Tidak kurang juga yang menjadi imam, bilal dan juga Ahli Jawatankuasa Masjid di kampung-kampung²⁴.

Justeru, mereka merupakan orang yang mendapat kepercayaan penuh dan rapat dengan masyarakat. Para pengarang ini tahu kehendak dan keperluan masyarakat waktu itu. Justeru mereka menghasilkan karya-karya yang boleh menarik minat masyarakat Melayu Islam untuk mendekati Islam melalui kisah-kisah para nabi dan rasul, kejadian manusia dan rahsia-rahsia alam ghaib. Aliran pemikiran mereka ini sedikit sebanyak menyumbang ke arah pembentukan pola pemikiran masyarakat. Pengaruh pondok sangat besar sehingga dapat membentuk nilai yang dianuti oleh masyarakat umum serta dihormati²⁵.

²³ Seperti Daud bin Abdullah al-Fatani, Wan Ahmad al-Fatani, Zainal Abidin al-Fatani, Ali Ishak al-Fatani, Muhamad Salleh bin Abdur Rahman al-Fatani dan banyak lagi. Mereka mempunyai ramai murid dan sahabat yang kemudian menyebarkan ilmu dan kitab karangan mereka di Nusantara, contohnya, Wan Ahmad al-Fatani, salah seorang penulis yang mempunyai murid yang ramai dan kitabnya dijadikan rujukan dan bahan pengajaran oleh muridnya di alam Melayu.

²⁴ Secara asasnya ia mengandungi pondok, masjid, guru mengaji, pengajaran kitab-kitab agama Islam lama dan tuan guru. Pengajian di pondok ada yang bermula bagi peringkat kanak-kanak lagi dan ada juga disediakan untuk orang dewasa. Pengajian ditekankan kepada bahasa Arab agar memahami *fiqh*, tauhid, Al-Qur'an, hadith dan juga menelaah kitab-kitab agama berbahasa Arab. Seseorang tuan guru terkenal melalui kepakarannya dalam bidang tertentu serta kitab karangannya yang dijadikan teks kepada muridnya. Sesebuah pondok itu menjadi terkenal kerana kepakaran dan jumlah tuan gurunya dan mutu kitab yang digunakan. Pemilihan kitab adalah berdasarkan ketentuan tuan guru. Dewan Bahasa Dan Pustaka (1998), *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, j. 3. Kuala Lumpur: DBP, 3:1941.

²⁵ Abdul Latif Hamidong (1989), *op.cit.*, h. 771-797.

Terdapat kalangan pengarang yang ingin menambah ilmu telah merantau ke Mekah, Madinah, Iraq, India dan Mesir. Mereka mendalami bidang-bidang seperti: Bahasa Arab, tasawuf, *fiqh*, tafsir, hadith, tauhid, ilmu kalam dan lainnya. Antara kitab yang digunakan sebagai teks atau bahan pengajian ialah: *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, *Matan Ajurumiyyah*, *Alfiyah*, *'Ilm al-Uṣūl*, *'Ilm al-Tawḥīd*, *'Ilm al-Kalām*, *Tafsīr al-Bayḍāwī* dan *Tafsīr Jalālayn*. Tidak kurang juga mereka menggunakan sumber-sumber yang sedia ada di Asia Barat untuk menghasilkan karya yang disebarluaskan kepada masyarakat Melayu di Nusantara. Sumber-sumber rujukan ini sedikit sebanyak membentuk pola penulisan dan gaya persembahan manuskrip hadith di Alam Melayu.

Sebagai contoh, bagi pengarang yang boleh menguasai bahasa Arab, mereka banyak merujuk hasil-hasil karya ulama muktabar dan sebahagiannya ada juga menterjemah tanpa membuat sebarang pindaan atau suntingan. Malahan ada juga yang mengarang, menyunting, mengadopsi, serta mengedit hasil-hasil karya ini tanpa mengambil kira kedudukan riwayat atau cerita yang mereka rujuk. Ini adalah kerana keutamaan bukan kepada menganalisis atau mengkaji, tetapi lebih kepada menambahkan maklumat serta pengetahuan masyarakat Melayu waktu itu.

Sebahagian mereka ada yang pulang ke tanah air, menujuhkan pondok dan memperkenalkan hasil karya serta mencurahkan ilmu yang dipelajari kepada masyarakat. Antara mata pelajaran yang diperkenalkan di pondok ialah *fiqh*, usuluddin, tasawuf, tafsir, hadith, nahu, *saraf*, mantik, *balāghah* dan *'arūd*²⁶.

²⁶ Ismail Hamid (1991), *Masyarakat Dan Budaya Melayu*, c. 2. Kuala Lumpur: DBP, h. 137.

Kebanyakan karya yang mengandungi riwayat Israiliyat terdapat dalam karya-karya bidang usuluddin, tafsir, tasawuf juga sejarah.

Hasil karya mereka ini menjadi khazanah Melayu dan warisan budaya yang diwarisi hingga ke hari ini yang masih dalam bentuk manuskrip mahupun kitab-kitab atau bahan-bahan bercetak yang lain. Kitab-kitab yang paling banyak dihasilkan dan dicetak yang menjadi bahan pengajaran masyarakat ialah yang berkaitan dengan *fiqh*, usuluddin, ilmu kalam, sifat 20 dan akidah²⁷.

Sebagai contohnya, Daud al-Fatani, merupakan kalangan ulama yang banyak menyumbangkan karya dalam pengajian Islam yang merangkumi bidang-bidang *fiqh*, ilmu kalam²⁸, tasawuf, tafsir, sirah dan lainnya²⁹. Seorang lagi penulis yang menghasilkan karya dan tersebar di sekitar utara Tanah Melayu ialah Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani. Beliau mempunyai murid yang ramai, antaranya ialah: Nik Mahmud³⁰, Haji Ibrahim³¹ dan Tuk Kenali³² yang mempelopori pengajian pondok di Kelantan. Manakala di Kedah pula, Ibrahim

²⁷ Matheson V. dan Hooker M.B., "Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition", *JMBRAS*. J. 61, bhg.1, h. 15-6.

²⁸ Membincangkan perkara-perkara meliputi akidah dan ketuhanan seperti asal usul agama, iman dan kemusykilannya, prinsip keimanan, kepercayaan terhadap Tuhan, sifat 20, sifat-sifat yang mulia bagi Tuhan serta kehidupan selepas mati. Mohd. Zamperi A. Malek (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 105.

²⁹ Karya beliau sebanyak 18 buah ada tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya sebagai teks rujukan dan pada tahun 1977 Yayasan Pengajian Islam Tinggi Kelantan, di Nilam Puri telah mengadakan pameran 50 naskhah manuskrip karya penulis dan sarjana Islam Patani. Tentang riwayat hidup dan penerbitan lengkap Syeikh Daud ini sila lihat Wan Mohamad Syaghir Abdullah (1989), *Syeikh Daud al-Fatani Ulama dan Pengarang Terbesar Asia*, Hizbi: Kuala Lumpur.

³⁰ Pernah menjadi Menteri Besar Kelantan.

³¹ Pernah menjadi mufti Besar Kelantan.

³² Pulang dari Mekah pada tahun 1915 M. yang telah mendapat perkenan Sultan Kelantan mendirikan Majlis Agama Islam Kelantan yang menyebarkan pengaruh gurunya di Kelantan.

bin Abdul Kadir anak Tuk Guru Bendang Daya, yang mengembangkan ilmunya dan mendirikan pondok di sana³³.

Selain di Patani,⁴ mereka juga berhijrah ke negeri-negeri sekitar di kepulauan Melayu untuk menyebarkan ilmu mereka dan mengembangkan Islam. Mereka juga membawa bersama satu tradisi pendidikan iaitu pendidikan pondok sebagai tempat pengajian kitab khususnya.

Justeru, lahirlah pondok-pondok seperti Pondok Tuan Guru Haji Isa di Sungai Limau Pulai, Baling, Pondok Tuan Guru Haji Yahaya di Kampung Pisang, Baling, Pondok Tuan Guru Haji Aziz, Pendang dan banyak lagi. Di Terengganu pula, Abdul Kadir al-Fatani seorang ulama tasawuf terkenal telah menetap di Bukit Bayas, Kuala Terengganu. Ulama ini meninggalkan murid-muridnya yang ramai antaranya Sayid Muhammad Zainal Abidin yang bergelar Tuan Besar Paduka Indera yang lebih dikenali sebagai Tuk Ku Tuan Besar. Beliau telah menghasilkan beberapa buah karya, antaranya *Jawāhir al-Thaniyyah*. Usaha beliau diwarisi oleh anaknya bernama Abdul Rahman yang dikenali dengan Tuk Ku Paluh. Beliau menghasilkan karya bernama *Ma'ārij al-Fann* yang membincarakan tentang perjalanan ilmu tasawuf³⁴.

Manakala Zainal Abidin Tuan Minal al-Fatani telah menyebarkan ilmunya dan mendirikan pondok-pondok di Sungai Dua, Pulau Pinang. Justeru, lahirlah ulama seperti Tuan Guru Haji Abdul Samad Keramat, Tuan Guru Haji

³³Sepupu Wan Ahmad al-Fatani.

³⁴Mohamad Abu Bakar(1974), "Sayid Abdul Rahman bin Muhamad al-Idrus (Tuk Ku Paluh)", *Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, K.L.*

Sahabuddin dan lainnya. Seterusnya di Perak pula, Tuan Guru Haji Ibrahim telah membuka pondok di Cangkat Ibul, Taiping³⁵. Ulama Patani banyak mempengaruhi perkembangan pengajian Islam di Nusantara seperti di Thailand, Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia.

3.2.2 Kelantan

Pengajian Islam di peringkat awalnya sekitar abad ke 16 M. telah bermula di istana, surau-surau (balaisah), rumah-rumah, masjid dan madrasah. Pada masa itu belum ada lagi kitab-kitab yang dicetak atau ditulis oleh karyawan tempatan. Pengajaran disampaikan secara lisan dengan menggunakan kitab-kitab berbahasa Arab dari Mekah dan India yang dibawa oleh pedagang atau mereka yang balik dari menunaikan haji. Ada juga antara kitab itu disalin dari naskhah asal yang dicetak di Mekah dan dibawa balik dengan tulisan tangan mereka ke Kelantan. Tulisan yang digunakan ialah menggunakan huruf Arab dan terjemahan ke bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Pengajaran adalah menitikberatkan soal fardu ain mengenai rukun Islam dan iman³⁶.

Antara institusi terawal sebagai tempat pengajaran agama ialah masjid. Sebagai contoh Masjid Besar al-Muhammadi yang memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pengajian ilmu-ilmu tradisional Islam. Selain sebagai tempat untuk beribadat, ia juga berfungsi sebagai institusi pengajian di mana dapat dilihat

³⁵Mohd. Zamperi A. Malek (1994), *op.cit.*, h. 108-109.

³⁶Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan*, dlm. *Warisan Kelantan IV*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 98.

dari segi guru-guru yang mengajar, teks-teks kitab yang digunakan, bidang-bidang ilmu yang diajar serta pondok-pondok yang bercambah tumbuh di sekitarnya untuk pelajar dari dalam dan luar dari Kelantan. Pengajarannya adalah secara pergiliran guru yang ditugaskan dan muridnya tidak dihadkan umur. Guru akan mengajar berdasarkan teks (menadah kitab) dan murid mendengar dengan teks masing-masing di hadapan mereka atau tanpa teks dan kitab³⁷.

Guru-guru yang mengajar dan kitab-kitab yang diajar dan digunakan adalah sebagaimana berikut³⁸:

- a. Tok Kenali (m. 1933 M.): Mengajar kitab-kitab; *Syudhūr al-Dhahab*, *al-Iqnā'*, *Mughnī al-Muhtāj*
- b. Haji Wan Hassan bin Haji Awang: Mengajar kitab-kitab antaranya: *Wisyāh al-Afrāḥ*, *Munyah al-Muṣallī*, *Bidāyah al-Hidāyah*, *Bahjah al-Mardiyah*, *Maṭla' al-Badrayn*
- c. Haji Pak Cik Musa Abdul Rahman: Mengajar kitab-kitab antaranya: *Qatr al-Nadā*, *Fatḥ al-Qarīb*, *Kasyf al-Lithām*, *Sullam al-Mubtadi'*, *al-Tashīl*
- d. Haji Wan Daud Khatib (m. 1936 M.): Mengajar kitab-kitab; *'Umdah al-Murīd*, *Durr al-Thamīn*, *Idāḥ al-Lubāb*, *Maṭla' al-Badrayn*, *Sabil al-Muhtadīn*
- e. Haji Idris Haji Hassan: Mengajar kitab-kitab; *Tafsir Al-Qur'an al-Karim*, *Siyar al-Sālikīn*, *Fatḥ al-Mu'iñ*, *Ignā'*
- f. Lebai Yaakob: Mengajar kitab-kitab; *Kifāyah al-'Awwām*, *Kifāyah al-Azkiyā'*

³⁷ Penyata Majlis Tahun 1917 dalam MUI 342/181.

³⁸ Penyata Majlis Tahun 1918, h. 26-28 dan Penyata Majlis Tahun 1920, t.t.

Guru-guru ini³⁹ selain mengajar di Masjid al-Muhammadi, mereka juga mengajar di rumah-rumah, surau atau madsarah mereka sendiri yang berdekatan dengan masjid. Adakalanya murid yang sama juga akan mengikuti halakah mereka di surau atau madarasah atau rumah guru tersebut. Mereka dipanggil murid-murid Pondok Masjid. Kebanyakan pelajar adalah dari dalam dan luar Kelantan seperti Kedah, Singapura, Brunei, Perak, Pahang, Johor, Patani, Sumatera, Kemboja, Bangkok, Pulau Pinang dan Bugis⁴⁰.

Selain masjid, institusi pondok yang tumbuh di merata tempat di negeri Kelantan memainkan peranan besar dalam penyebaran Islam di Kelantan. Sistem pengajian pondok muncul di Kelantan pada awal abad ke 19 M. Pertumbuhannya berkait rapat dengan kemunculan tokoh ulama yang berwibawa dan karya-karya yang banyak dihasilkan.

- 10 -

Pendidikan tradisi pondok di negeri Kelantan berasal dari Patani. Kebanyakan ulama dan guru-guru yang hidup sekitar abad ke 19 dan 20 M. adalah lepasan dari pondok-pondok di Patani. Mereka membawa balik ilmu dan kitab-kitab yang mereka guna dan dapati di Patani ke Kelantan. Kitab-kitab kebanyakannya karangan dan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu bertulisan Jawi oleh ulama Patani. Ini adalah kerana hubungan antara Kelantan

³⁹ Selain yang disebut antaranya lagi ialah: Syed Muhammad bin Syed Daud al-Qadri (Tok Bahrain), Imam Haji Abdullah bin Haji Jalaluddin, Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Haji Omar bin Ismail Nuruddin, Sungai Keladi, Haji Daud Hussin, , Haji Ahmad Manan, Haji Wan Musa bin Abdul Samad, Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, Haji Yaakob bin Haji Ahmad (Haji Yaakob Lorong Gajah Mati), Haji Ali Salahuddin bin Awang (Pulau Pisang), Haji Saad bin Haji Daud (Haji Saad Kangkung).

⁴⁰ *Penyata Majlis Tahun 1920*, h. 57. *Penyata Majlis Tahun 1934*, h. 8

dan Patani adalah rapat sekali sebelum tahun 1909 Masehi dari segi sejarah dan asal keturunan. Institusi pondok lazimnya berpusat di masjid, surau dan balaisah⁴¹.

Sekitar tahun 1900 M., sebelum kepulangan Tok Kenali, sukanan pelajarannya lebih menekankan kepada bacaan *al-Wuran*⁴² serta penadahan kitab-kitab Jawi. Bidang pengajian yang ditumpukan ialah mengenai ilmu tauhid, *fiqh*, tasawuf atau akhlak. Pelajar duduk bersila di atas lantai dan tikar dengan sebuah kitab. Mereka mendengar dan menerima apa sahaja yang diajar oleh guru mereka⁴³.

Selepas kepulangan Tok Kenali dari Mekah, beliau telah memperkenalkan sistem pengajian bahasa Arab dan pengajian yang teratur di pondok-pondok. Hasilnya timbul minat di kalangan pelajar ingin menadah kitab-kitab dalam bahasa Arab dan mendalami ilmu Islam lainnya. Pengajian di pondok semakin berkembang dengan kehadiran seorang ulama dari Pakistan yang dikenali sebagai Tok Khurasan (m. 1944 M.) telah memperkenalkan pengajian ilmu hadith secara ilmiah. Setelah kembalinya Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa dari Mekah,

⁴¹ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *op.cit.*, h. 100; Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan Dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, c. 2. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 2 dan 3.

⁴² Tanpa huraihan maksud dan falsafah atau hikmatnya.

⁴³ Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu dengan campuran kepada bahasa Arab. Tekst dibaca dengan ditanda baris dan diberi maknanya satu perkataan dan satu perkataan Justeru itulah dalam kitab-kitab teks ada perkataan seperti "olehmu", "akan dia", "barang siapa" dan seumpamanya. Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1985), *op.cit.*, h. 101.

beliau memperkuatkan lagi pengajian hadith dan tafsir dan membawa aliran falsafah Shah Waliyullah al-Dehlawi ke Kelantan⁴⁴.

Kelantan ditakdirkan kaya dengan alim ulama yang juga tokoh karyawan yang telah menghasilkan berbagai karya untuk pengajian dan rujukan dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu pengajian Islam. Perkembangan ilmu yang pesat di Kelantan iaitu di awal abad ke 19 menjadikan Kelantan sebuah pusat penyebaran dan pendidikan ilmu di alam Melayu.

Justeru, ini menunjukkan pengajian Islam di Kelantan mempunyai persamaan ciri dan bentuk pengajian serta karya yang digunakan. Selain faktor tempat perguruan, hubungan nasab dan sejarah, metod dakwah yang tidak mengenal negeri dan tempat menyumbang ke arah persamaan metod pengajian Islam serta penghasilan karya. Antara ulama yang berwibawa dan menghasilkan banyak karya serta terjemahan dari kitab berbahasa Arab ke bahasa Melayu ialah Tuan Tabal (m. ±1894 M.)⁴⁵, Haji Wan Ali bin Abdul Rahman (m. 1913 M.)⁴⁶, Syaikh ‘Uthman Jalaluddin (m. 1952 M.)⁴⁷ dan lain-lain lagi yang saling menyebarkan ilmu tanpa mengira negeri.

⁴⁴ Ismail Che Daud (1991), "Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum", dlm. Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (selenggara), *Warisan Kelantan X*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 3 dan 4.

⁴⁵ Antara karyanya ialah: *Munyah Ahl al-Awrah fi Bayān al-Tawbah, Bidāyah Ta’lim, Munabbih al-Ghāfiḥīn, Jalā’ al-Qulūb bi Dhikr Allāh, Kifāyah al-‘Awām* dan lain-lain lagi. Ismail Che Daud (2001), "Tok Wan Ali Kutan (1837-1913)", dlm. *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, e. 3. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), h. 105-116.

⁴⁶ Antara karyanya ialah: *Zahrāh al-Murid, Jawhar al-Mawhūb, Lum’ah al-Awrād, Majmu’ al-Qasā’id* dan lain-lain lagi. Ismail Awang (2001), "Tuan Tabal (1840-1894)", dlm. *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, e. 3. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), h. 178-185.

⁴⁷ Antara karyanya ialah: *Mir’ah al-‘Imān, Miṣbāḥ al-Ḥanān wa Miṣtāḥ al-Jinān, Sirāj al-Islām wa Tāj al-Ghulām, Fath al-Mu’īn, al-Syarh al-Kabīr* dan lain-lain lagi. Ismail Awang (2001), "Syaikh ‘Uthman Jalaluddin (1880-1952)", dlm. *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, e. 3. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), h. 511-517.

3.3 Sejarah Manuskrip Melayu Islam

Penghasilan manuskrip Melayu Islam di Alam Melayu adalah kesan langsung daripada perkembangan Islam di Nusantara. Para sarjana mengemukakan berbagai pendapat mengenai tempoh bermula pengaruh Islam di alam Melayu. Kesimpulan daripada kepelbagaiannya pendapat di dalam berbagai sumber, dapat dibuat rumusan bahawa Islam aktif dan merangkumi seluruh penduduk kepulauan Melayu dalam semua aspek kehidupan berlaku sekitar kurun ke 13 hingga ke kurun ke 20⁴⁸.

Kedatangan Islam bukan sahaja sekadar memperkenalkan agama, namun ia membawa sekali satu perubahan baru yang berbentuk intelektualisme yang amat menekankan mengenai kewajipan belajar. Natijahnya, dapat dilihat bukan sahaja di kalangan pihak atasan, bahkan, menular sehingga rakyat biasa. Lantaran, lahir para cendekiawan Melayu yang mampu memartabatkan Islam di rantau ini sama ada melalui lisan atau penulisan.

Meninjau peredaran masa dan perubahan pegangan masyarakat dalam semua aspek, sumbangan dan usaha cendekiawan Melayu adalah tidak ternilai dan tidak boleh dipandang ringan. Buktinya, mereka berjaya mengubah persepsi masyarakat mengenai agama daripada pegangan yang tidak berasaskan kebenaran hasil pengaruh sebelumnya kepada satu cara hidup yang sempurna, bersifat realiti

⁴⁸ Ismail Hamid (1983), *Kesusasteraan Melayu Lama Dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 11.

dan global. Ini membuktikan bahawa proses Islamisasi yang begitu pesat ini memerlukan transformasi yang sistematis.

Salah satu manifestasi keintelektualan proses Islamisasi ini ialah terhasil karya-karya cendekiawan Melayu dalam pelbagai bidang. Memandangkan Alam Melayu waktu itu masih belum menggunakan alat percetakan, para penulis menggunakan tulisan tangan yang dipanggil sekarang dengan istilah ‘manuskrip’ untuk mengembangkan ajaran Islam. Manuskrip bercorak Islam mula dihasilkan setelah kedatangan Islam di Alam Melayu dan berterusan sehingga zaman penjajah sekitar akhir kurun ke 19⁴⁹.

Walaupun dalam serba kekurangan, cendekiawan Melayu merasakan pengajaran wajar dikembangkan. Justeru, timbul keperluan untuk menggunakan bahan bertulis dan bacaan untuk mempercepat penyebaran ilmu agama. Mereka juga merasakan kaedah penyampaian secara lisang akan mudah ditinggalkan atau dilupai dan hilang begitu saja jika tidak dibukukan. Lantas, kertas-kertas mula digunakan yang antaranya datang dari negara Arab, China dan Eropah⁵⁰.

⁴⁹ Sebelumnya, masyarakat Melayu telah mempunyai tulisan tempatan seperti Tulisan Lampung, tulisan Rencong dan Ka-ga-nga. Semenjak abad ke 4 mereka telah mengadaptasi tulisan dari India Selatan namun ia tidak digunakan secara meluas, kecuali oleh para sami untuk kitab agama mereka pada abad ke 7 di Palembang. Tulisan jawi yang ditulis di batu, kulit binatang, pinggan mangkuk, kain, logam tidak dianggap manuskrip, tetapi ia dianggap sebagai artifak sejarah. Dewan Bahasa Dan Pustaka (1998), *op.cit.*, 3: 1455 dan 1456.

⁵⁰ Selepas itu masyarakat Melayu beralih menggunakan kertas Cina dan dakwatnya sekali kerana ia lebih mudah diperolehi. Setelah kedatangan orang-orang Eropah, bangsa Eropah telah menggunakan kertas buatan mereka untuk menyalin manuskrip Melayu yang terdapat di rantaunya itu selepas abad ke 16. *Ibid.*, 3: 1456; Mahayudin Haji Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*, c. 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 9.

Penulis mendapati penghasilan manuskrip waktu itu adalah kerana beberapa faktor utama, antaranya:

a. **Galakan serta māndat dari sultan.**

Terdapat kalangan pemerintah yang tidak berbelah bagi pada waktu itu ingin melihat Islam tersebar luas dan memberi ilmu kepada rakyatnya dengan menambah khazanah ilmu warisan Islam milik bangsa Melayu. Mereka telah memerintahkan ulama menghasilkan karya untuk rujukan dan panduan masyarakat. Contohnya, pemerintah Melaka iaitu Sultan Mansur Syah telah memerintahkan seorang penulis Pasai menterjemahkan sebuah kitab berbahasa Arab karangan Maulana Abū Ishāq dari Mekah bertajuk *Durr al-Manzūm*, ke dalam bahasa Melayu⁵¹.

b. **Latar belakang pengetahuan agama dan budaya masyarakat .**

Faktor ini merupakan aspek utama ulama Melayu menghasilkan manuskrip. Mereka merasakan masyarakat wajar diberitahu mengenai ajaran Islam yang sebenar dan menolak segala unsur khurafat dan syirik. Hal yang lebih ketara lagi, masyarakat Melayu mempercayai pawang dan dukun dan mereka mempunyai kedudukan istimewa dan sangat dihormati dalam masyarakat⁵².

⁵¹ Ismail Hamid (1983), *op.cit.*, h. 13.

⁵² Pawang tempat meminta ubat dan menyelesaikan masalah dan kemasykilan. Pawang menggunakan mantera, jampi, atau kata-kata hikmat yang lain dengan bahasa yang teratur, indah, dan berkesan. Ilmu mereka akan diperturunkan kepada satu generasi ke satu generasi. Setelah kedatangan Islam, perkataan dalam jampi seraphai diuabsuai dengan memasukkan nama-nama wali dan nabi dalam jampi mereka. Dewan Bahasa Dan Pustaka (1998), *op.cit.*, 3: 1755 dan 1756; Mohd. Taib Osman (1988), *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 126.

Masyarakat waktu itu memberi layanan yang istimewa kepada pencerita yang digelar penglipur lara atau juga rawi⁵³. Ini adalah kerana antara budaya masyarakat Melayu ialah mereka sangat menggemari cerita atau kisah yang pelik, berbentuk hiburan dan menakjubkan.

Para penulis di peringkat awalnya mengambil kira faktor budaya dan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat. Para penulis Melayu memikirkan metod tersendiri agar masyarakat dapat menerima Islam sedikit demi sedikit. Antara cara yang digunakan pada peringkat awalnya ialah dengan menyesuaikan ajaran Islam dengan suasana dan pola pemikiran masyarakat Melayu yang sudah sedia ada. Hal yang demikian bertujuan para pendengar lebih mudah memahami dan dapat menerima Islam. Lama-kelamaan lahir pula cerita para nabi, Sahabat, dan pahlawan Islam lainnya. Antara pengaruh yang dapat dilihat ialah istilah ‘hikayat’ yang digunakan dalam kesusasteraan Hindu dan Jawa diambil daripada istilah bahasa Arab.

Untuk menghasilkan manuskrip sebagaimana yang kita lihat hari ini, ia mengalami beberapa proses pengubahsuaian sehingga tulisan yang digunakan iaitu tulisan Jawi menggantikan tulisan Rencong. Tulisan Jawi sudah mula dicipta sebelum abad ke 13⁵⁴. Berbagai-bagi pendapat dinyatakan mengenai asal usul perkataan Jawi. Namun menurut pendapat yang mendekati rasionalnya, ahli

⁵³ Antara cerita yang paling disukai oleh masyarakat pada masa itu ialah tentang haiwan kerana berkait rapat dengan aktiviti harian mereka iaitu memburu. Dengan kehalusan budi dan bahasanya si pencerita mengisahkan kehidupan haiwan untuk menceritakan kehidupan manusia yang sebenarnya. Cara ini sangat berkesan.

⁵⁴ Harun Aminurrashid (1966), *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu, h. 13, 18 dan 19; Darwis Harahap (1992), *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 19 dan 20.

pelayaran terkenal iaitu Ibn Battūṭā dan Marco Polo ada menyebut bahawa perkataan Jawi adalah mengambil sempena nama Jawa⁵⁵. Ia adalah hasil gabungan huruf Arab dan Parsi yang melalui beberapa proses pengubahsuai huruf dan bunyi⁵⁶.

Setelah tulisan Jawi mendapat kedudukan yang mantap, hasil karya mula diterjemahkan daripada bahasa Arab, Parsi dan Hindu ke dalam bahasa Melayu dan disebarluaskan dalam bentuk tulisan tangan. Karya-karya yang dihasilkan ada berbagai bentuk dan corak, antaranya, sejarah, cerita, akidah, hukum hakam, akhlak, bahkan juga merangkumi perubatan, undang-undang, cerita dongeng, adat istiadat dan sebagainya. Karya-karya yang dihasilkan berbentuk serius dan ada yang semata-mata hiburan dan sastera rakyat⁵⁷.

Manuskrip tertua terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu ialah kitab *'Aqā' id al-Nasafī*. Ia dikarang pada tahun 998 H bersamaan 1590 M di Aceh. Manakala manuskrip tertua berbentuk hikayat kepahlawanan Islam pula ialah *Hikayat Muhammad Hanafiah* disalin pada tahun 1632 M⁵⁸.

⁵⁵ Ibn Battūṭā (1929), *Travels in Asia and Africa* (1325-1354), terj. H.A.R. Gibb. London: George Routledge and Sons Ltd., h. 273; Hashim bin Musa (1997), "Sejarah Awal Kemunculan Dan Pemapanan Tulisan Jawi Di Asia Tenggara", dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 6.

⁵⁶ Huruf Jawi mengambil huruf ch (չ) Parsi menjadi c (չ) dan mengubahsuai g (՞) Parsi dengan menggunakan titik di atas. Bunyi atau huruf p (՞), ng (՞), dan nya (՞) merupakan ciptaan bangsa Melayu sendiri. Huruf Jawi ini kemudian dilengkapkan dengan bunyi atau huruf v(՞) sejak 1987. Justeru, abjad tulisan Arab yang terdiri daripada 28 huruf itu diterima sepenuhnya dengan penambahan 5 huruf baru untuk disesuaikan dengan bunyi bahasa Melayu iaitu ca, pa, nga, ga dan nya. Darwis Harahap (1992), *op.cit.*, h. 20.

⁵⁷ Ismail Hamid (1983), *op.cit.*, h. 12.

⁵⁸ S.M.N. al-Attas (1989), *The Oldest Known Malay Manuscripts: A 16th Century Malay Translation of The Aqa' id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press; Mahayudin Haji Yahaya (2000), *op.cit.*, h. 5.

Pada abad ke 17, muncul dua orang ulama Aceh iaitu Hamzah Fansuri (m. 1607 M.) dan Syamsuddin al-Sumaterani (m. 1630 M.) yang banyak menghasilkan karya dalam bidang tasawuf. Kemudian lahir Nuruddin al-Raniri (m. 1658 M.) yang menghasilkan 34 buah karya dalam pelbagai bidang ilmu merangkumi tauhid, hadith, tasawuf dan lainnya. Kemudian diikuti beberapa lagi ulama yang menghasilkan berbagai karya dalam pelbagai skop untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu waktu itu⁵⁹.

Pada abad ke 19 pula, lahir penulis yang banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang iaitu Daud bin Abdullah al-Fatani (m. 1847 M.) yang menghasilkan 66 buah kitab. Ini menunjukkan perkembangan yang pesat dalam penulisan Islam baik dalam bentuk karya asli, terjemahan dan suntingan atau huraian kepada karya asal⁶⁰.

Sebelum muncul alat percetakan di sertau ini, istana dan pondok memainkan peranan dalam usaha penyalinan manuskrip⁶¹. Malah tidak kurang juga orang perseorangan yang berusaha menyalin manuskrip. Dalam keadaan ini, berlaku perubahan dan pindaan dalam proses penyalinan semula. Bukti ini naskhah manuskrip yang mempunyai tajuk yang sama mempunyai kandungan yang berlainan dengan beberapa salinan. Malah kedapatan penyalinnya dari

⁵⁹ Hasil karya dan biodatanya dibincangkan dalam tajuk berikutnya.

⁶⁰ Hasil karya dan biodatanya dibincangkan dalam tajuk berikutnya.

⁶¹ Setiap istana mempunyai skriptoriumnya yang tersendiri seperti keluarga Yang Dipertuan Muda Riau, keluarga diraja Kelantan, Kedah, Palembang dan lainnya. Abu Hasan Sham (1997), "Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu", dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 265 dan 267.

kalangan mereka yang tidak beragama Islam, kurang mahir tentang kandungannya serta tidak mahir berbahasa Arab⁶².

Sehingga kini, jumlah manuskrip yang dapat disenarai dan dikumpulkan baik dari dalam negeri maupun luar negara ialah sebanyak 12,000 naskhah, 6000 naskhah di Malaysia dan 6000 naskhah di luar negara⁶³.

Manuskrip-manuskrip dan kitab-kitab karya ulama Melayu ini bukan sekadar khazanah simpanan negara, namun lebih daripada itu, ia menjadi bahan rujukan penulis-penulis kemudian dan para penyelidik. Malah sebahagian masih digunakan di tempat-tempat pengajian serta pengajaran di pondok, masjid, surau serta rumah persendirian dalam bentuk kitab.

Selain itu, tidak kurang pula yang membuat suntingan dan menerbitkannya dalam versi bahasa Malaysia moden agar boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum. Ini adakah kerana tulisan manuskrip kebanyakannya dalam tulisan Jawi dan bahasanya adalah bahasa Melayu lama dan bercampur aduk dengan bahasa Arab yang sukar difahami oleh kebanyakan generasi muda hari ini. Namun bagi generasi tua, mereka masih lagi menggunakan kitab-kitab yang menggunakan

⁶² Sebagai contohnya karya Nuruddin al-Raniri bertajuk *Hujjah al-Siddiq li Dāfi' al-Zindiq* — naskhah salinan Leiden berlainan dengan naskhah salinan Royal Asiatic Society. Mahayudin Haji Yahya (2000), *op.cit.*, h. 16.

⁶³ 2500 judul di Indonesia, 1683 judul di Belanda, 653 judul di Britian, 300 judul di Brunei, 209 judul di Perancis, 209 judul di Jerman (Barat), 63 judul di Amerika Syarikat dan 33 judul di Singapura. Howard (1966), J.H., *The Manuscripts: A Bibliographical Guide*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya; Ibrahim Ismail (1986), *The Bibliographical Control of Manuscripts in Southeast Asian Languages: A Review of Sources of Information*, Tesis Fellowship of The Library Association (FLA), Universiti Malaya, Kuala Lumpur; DBP (1998), *op.cit.*, 3: 1456-1458.

tulisan Jawi sebagai bacaan dan pengajian mereka. Tidak kurang juga yang hanya dijadikan khazanah warisan keluarga turun temurun.

3.4 Pengenalan Manuskrip Hadith Melayu

Setelah tulisan Jawi digunakan sepenuh di kalangan masyarakat Melayu, penghasilan manuskrip menjadi semakin rancak. Beberapa naskhah manuskrip dihasilkan melalui penyalinan semula menggunakan tulisan tangan atau dicetak. Penyalinan semula ini ada yang dilakukan dalam satu naskhah malah dibuat beberapa salinan lain oleh generasi selepasnya dengan mendapat izin ahli warisnya.

Malahan juga ada yang disalin semula oleh orang-orang Eropah dan disimpan di negara mereka. Buktinya, kita dapat lihat beberapa contoh naskhah manuskrip yang sama judul dalam tulisan tangan yang disimpan di Pusat Manuskrip Melayu (PMM), Perpustakaan Negara Malaysia juga disimpan di luar negara seperti Belanda, Jerman dan Amerika.

Penulisan manuskrip hadith mula dipelopori oleh dua orang ulama dari Aceh iaitu Nuruddin al-Raniri dan Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri (m. 1693 M.) pada abad ke 16. Antara karya mereka yang terkenal dan menjadi bahan rujukan ialah *al-Fawā'id al-Bahiyyah* atau nama lain *Hidāyah al-Habīb fī al-Targhib wa*

al-Tarhib dan *Syarḥ Latīf ‘alā Arba‘īn Ḥadīthan li al-Imām al-Nawawī* atau singkatnya *Ḥadīth Arba‘īn*⁶⁴.

Selain dua ulama tersebut, terdapat ramai lagi ulama yang menghasilkan karyanya dalam bidang agama, antaranya: Abdullah bin Abdul Mubin al-Fatani, Daud bin Abdullah al-Fatani (m. 1847 M.), Nawawi al-Bentani al-Jawi (1814 M.), Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantani (m. 1913 M.), Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Uthman bin Syihabuddin al-Funtiani (Pontianak), Syaikh ‘Uthman Jalaluddin al-Kalantani (m. 1952 M.) dan lain lagi.

Kebanyakan manuskrip hadith yang terdapat di Alam Melayu adalah berbentuk terjemahan, saduran, suntingan, syarah dan juga hasil karya sendiri⁶⁵. Aliran pemikiran dan fahaman mencerminkan idea dan aliran penulis asal sumber yang mereka guna, baik secara keseluruhan atau sebahagian. Namun kedapatan juga yang menyedari adanya kecacatan lalu dijelaskan dalam tulisan mereka atau orang yang menyalin dan mencetak semula selepas ketiadaannya⁶⁶.

Penulisan yang mengandungi riwayat biasanya menyentuh perkara yang berkaitan dengan akidah, sejarah, kisah, *fiqh*, galakan dan ancaman atau tasawuf.

⁶⁴ Ada dalam simpanan PMM-PNM, MSS 2520. Penulis telah membuat satu fotokopi salinan asalnya untuk rujukan.

⁶⁵ Seperti kitab karangan Muhammad Nawawi al-Bentani al-Jawi bernama *Tanqīh al-Qawl al-Hathīth bi Syarḥ Lubāb al-Ḥadīth* merupakan syarah kepada kitab *Lubāb al-Ḥadīth* karangan al-Suyūtī.

⁶⁶ Hal ini dinyatakan sendiri oleh pengarang di dalam muqaddimah kitab, bahkan sebagianya ditahqiq oleh mereka dan ada yang tidak dilakukan apa-apa pentashihan. Contohnya Nawawi al-Bentani di dalam kitabnya *Tanqīh al-Qawl al-Hathīth*. Beliau menyatakan sikap tidak bersetuju dibuang *sanad-sanad* yang terdapat pada hadith dengan membawa hujah-hujah ulama menunjukkan kepentingan *sanad* disebut dan cuba menyatakan *sanadnya* pada hadith beliau juga hadith di kitab asal namun ada yang beliau tidak melakukan apa-apa kritikan.

Sebagai contohnya, manuskrip *Kasyf al-Ghumma*, menyentuh tentang alam ghaib, galakan beramat, syurga, neraka dan lainnya⁶⁷.

Antara ciri manuskrip hadith yang ditulis oleh pengarang asal tidak menyatakan secara lengkap *sanad* atau rangkaian perawi riwayat yang dikemukakan. Kebanyakannya menyatakan perawi pertama atau terhenti setakat Sahabat, *Tābi'īn* atau *Tābi'ī al-Tābi'īn*. Hal yang demikian kerana karya yang dihasilkan lebih menekankan fakta dan tidak bercadang menyatakan secara panjang lebar dari aspek kaedah ilmu hadith.

Sumber manuskrip hadith di Alam Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa komponen antaranya berbentuk hikayat yang mengandungi cerita para nabi yang dipetik daripada Al-Qur'an dipercayai bersumberkan cerita-cerita Nabi di dalam bahasa Arab. Cerita-cerita ini adalah berdasarkan penceritaan semula dengan sokongan ayat-ayat Al-Qur'an, hadith, *qathar* Sahabat, *Tābi'īn*, *Tābi'ī al-Tābi'īn*, malah tidak kurang juga yang bersumberkan tafsiran dan cerita-cerita rakyat penganut Yahudi dan Nasrani. Contohnya *Hikayat Nabi Musa Munajat*, *Hikayat Nabi Yusuf*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan lainnya.

Antara komponen lain ialah karya-karya bercorak keagamaan yang memberi penekanan kepada akidah, sejarah, tasawuf juga hukum. Karya-karya ini adalah hasil karya pengarang Melayu seperti *al-Durr al-Thamīn*, *Kifāyah al-*

⁶⁷ Daud bin Abdullah al-Fatani, *Kasyf al-Ghumma*, PMM-PNM, MS 2223.

Muhtāj, Kasyf al-Ghaybiyyah, Ward al-Zawāhir, al-Durr al-Munazzam, Ḥadiqah al-Rayḥān, Kisah Para Nabi dan banyak lagi⁶⁸.

Metod penulisan rmanuskrip hadith lebih bersifat penyampaian secara lisan sebagaimana yang dilakukan oleh ulama hadith terdahulu⁶⁹. Salsilah *sanad* yang terdapat di dalam karya-karya mereka yang ada sekarang adalah disenaraikan oleh orang terkemudian atau muridnya atau mereka yang melakukan kajian mendalam terhadap hadith-hadith yang dikemukakan agar tidak dipertikai kesahihannya dan sumbernya. Tindakan ini juga dilakukan kerana perkembangan sistem pengajian dan pembelajaran yang lebih mendalam dan untuk menjaga kemurnian karya ulama Melayu.

Antara lain juga manuskrip hadith di Alam Melayu banyak merujuk kepada kitab-kitab berbahasa Arab. Ada antara kitab-kitab rujukan tersebut membawakan riwayat dengan menyatakan seorang perawi sahaja samada terhenti pada Sahabat, *Tābi'īn* atau *Tābi' al-Tābi'īn*, berdasarkan tujuan sesuatu karya dihasilkan. Metod ini diikuti oleh penulis-penulis di alam Melayu⁷⁰.

Ada antara manuskrip menyatakan sumber rujukan selain dari kitab asal yang mereka sunting atau terjemah. Ia berfujuan menguatkan fakta penulisan

⁶⁸ PNM-PMM (1990-2001), *Katalog Manuskrip Melayu*, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

⁶⁹ Mahayudin Haji Yahaya (2000), *op.cit.*, h. 21 dan 22.

⁷⁰ Sebagai contohnya kitab *Kasyf al-Ghaybiyyah* menyatakan sumber rujukannya daripada kitab *Daqā'iq al-Akhbār* karangan al-Imam 'Abd al-Rahim ibn Ahmad al-Qādī, *al-Durr al-Ḥisān* karangan al-Suyūtī, *Mashāriq al-Anwār* karangan Hasan al-'Adwī, *Mukhtaṣar al-Tadhkirah* oleh al-Sya'rānī, *Syifā' al-Sudūr* oleh al-Suyūtī, *Iḥyā` 'Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazzālī, kitab *Ṣawā'iq* oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Kitāb As'ilah al-Dāwūdī* dan lainnya.

mereka⁷¹. Tindakan mereka tidak menyatakan *sanad* lengkap bagi sesebuah riwayat bukan bermakna mereka tidak mengetahui martabat sesuatu hadith atau periwayatnya, tetapi mereka merasakan mesej yang lebih wajar diutamakan berbanding meletakkan prioriti kepada ilmu *riwāyah* atau *dirāyah* hadith.

Kajian ini melihat, berkemungkinan besar penulisnya pada masa itu merasakan latar belakang masyarakat yang masih dalam peringkat permulaan Islam belum lagi mencapai tahap meneliti *sanad* dan martabat riwayat. Memadai mereka sahaja sebagai pengarang mengetahui kedudukan riwayat yang dibawa atau memadai disebut perawi pertama atau perawi akhirnya seperti al-Bukhārī, Muslim dan lainnya atau nama kitab-kitab yang menjadi sumber rujukan mereka secara ringkas dan umum.

Walaupun metod penulisan begini mendapat kritikan sebahagian sarjana, ia adalah satu realiti. Namun sebagai umat Islam yang bertanggungjawab, adalah wajar bersama-sama memperbaiki kesalahan dan kekurangan itu agar lebih terpelihara dari sebarang penyelewengan. Sebarang kritikan tidak semestinya dilihat sebagai satu percubaan yang menelurkan prospek negatif masyarakat terhadap penulis dan karya mereka, namun bersama-sama melahirkan natijah yang positif untuk semua pihak.

⁷¹ Contohnya kitab *al-Jawhar al-Mawhiūb* oleh Wan Ali Kutan, disamping menterjemahkannya beliau menambah kata-kata Sahabat serta ulama yang dipetik dari kitab-kitab berbahasa Arab, seperti *al-Budūr al-Sāfirah fī Aḥwāl al-Ākhirah*, karangan al-Suyūtī, 'Uyūn al-Akhbār, karangan al-Tūsi dan lainnya. Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantani (t.t.), *al-Jawhar al-Mawhiūb*. Mesir: Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, h. 19 dan 25.

3.4.1 Pengarang

Pengarang manuskrip hadith Melayu adalah terdiri dari kalangan mereka yang mendapat pendidikan tinggi dan mendalam dalam agama. Mereka adalah golongan yang memperolehi ilmu daripada negara-negara di Asia Barat. Antara mereka: Nuruddin al-Raniri, Daud bin Abdullah al-Fatani, Zainal Abidin al-Fatani dan lainnya.

a. Nuruddin al-Raniri (m. 1658 M)

Nama lengkap beliau ialah Nuruddin bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid al-Raniri al-Quraisyi al-Syafi'i. Beliau lahir pada pertengahan kedua abad ke 16 M. Seorang ulama besar sehingga digelar “al-‘Ālim al-‘Allāmah”, penulis, serta pengamal tarekat. Beliau menguasai pelbagai ilmu termasuk hadith, falsafah, sejarah, tasawuf, akidah, perbandingan agama, *fiqh* dan lainnya. Bukti nyata dapat dilihat pada karya-karyanya dalam bentuk manuskrip dan ada yang telah dicetak. Kebanyakan karya beliau di dalam bahasa Melayu berbentuk terjemahan, tafsiran, suntingan serta karya asli dengan merujuk sumber-sumber berbahasa Arab.

Beliau seorang penulis yang prolifik kerana banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang agama. Dalam penulisannya sering dinyatakan sumber rujukan yang digunakan untuk menguatkan hujahnya. Karya tulisannya sebanyak

30 buah⁷². Antaranya ialah: *Hidāyah al-Habīb fī al-Targhib wa al-Tarhib*⁷³ yang merupakan kumpulan hadith yang beliau terjemahkan ke dalam bahasa Melayu, *al-Širāt al-Mustaqīm*⁷⁴, *Durr al-Farā' id bi Syarḥ al-'Aqā' id*⁷⁵, terjemahan dan huraian buku asal karangan Najm al-Dīn al-Nasafī iaitu *Mukhtaṣar al-'Aqā' id*, *Bustān al-Salāṭīn*, sebuah buku mengenai sejarah awal kedatangan Islam ke Nusantara, *Tanda Kiamat*⁷⁶, *Akhbār al-Ākhirah fī Aḥwāl al-Qiyāmah*⁷⁷, *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*⁷⁸, *Kitāb al-Adab*⁷⁹, *Fatḥ al-Mubīn 'alā al-Mulhidiñ*⁸⁰, *Asrār al-Insān*⁸¹, *Tibyān fī Ma'rīfah al-Adyān*⁸², *Hill al-Zill*⁸³, *Hidāyah al-Imān bi Faḍl al-Mannān*⁸⁴, *'Aqā' id al-Imān*⁸⁵, *Sullam al-Mustafidīn*⁸⁶, *Jawāhir al-'Ulūm fī Kasyf al-Ma'lūm*⁸⁷, *Tanbiḥ al-'Āmil fī Tahqīq al-Kalām fī al-Nawāfil*⁸⁸, Bab Pada Menyatakan Peri Kejadian Nur Muhammad⁸⁹, *Syifā' al-Qulūb*⁹⁰, Soal Jawab Mengenai Allah Dan Alam⁹¹ dan lainnya⁹².

⁷² Mahayudin Haji Yahaya (1994), *Naskhah Jawi Sejarah Dan Teks Jilid I*. Kuala Lumpur: DBP, h. 47-54; Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 108.

⁷³ MSS 1042, 1047. PNM (1993), *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas (Tambahan Kedua)*. Kuala Lumpur: PNM, h. 1.

⁷⁴ MS 1102. PNM (1993), *op.cit.*, h. 7.

⁷⁵ MSS 2270 (B), 2378 (I). PNM (2000), *op.cit.*, h. 23 dan 93.

⁷⁶ MS 873 (B). PNM (1990), *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas (Tambahan Pertama)*, Kuala Lumpur: PNM, h. 45.

⁷⁷ Kitab ini mengandungi 7 bab tentang Nur Muhammad, kejadian Nabi Adam, peristiwa hari Kiamat, Syurga, Neraka dan lainnya. Naskhah asal tersimpan di Perpustakaan Tanoh Abee. MSS 2394 (F). PNM (2000), *op.cit.*, h. 104.

⁷⁸ MS 1051. PNM (1993), *op.cit.*, h. 2.

⁷⁹ MSS 1076. *Ibid.*, h. 5.

⁸⁰ MS 1137. *Ibid.*, h. 9.

⁸¹ MS 1194 (B). *Ibid.*, h. 13.

⁸² MSS 1533 (A). *Ibid.*, h. 47.

⁸³ MSS 1530 (D). *Ibid.*

⁸⁴ MSS 1836 (A). PNM (1997), *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas (Tambahan Ketiga)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 29.

⁸⁵ MSS 1836 (B). *Ibid.*

⁸⁶ MSS 2240 (B). PNM (2000), *op.cit.*, h. 4.

⁸⁷ MSS 2319. *Ibid.*, h. 53; MSS 2464. PNM (2001), *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (Tambahan Pertama)*. Kuala Lumpur: PNM, h. 53

⁸⁸ MSS 2347. PNM (2000), *op.cit.*, h. 70.

⁸⁹ Ia sebuah bab yang dipetik daripada kitab *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*. MSS 2466 (K). PNM (2001), *op.cit.*, h. 44.

⁹⁰ MSS 2595 (A). *Ibid.*, h. 132.

⁹¹ MSS 2595 (B). *Ibid.*

⁹² DBP (1998), *op.cit.*, 3: 1642 dan 1643.

Beliau banyak menterjemahkan kitab-kitab berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kerana berpendapat ia adalah jalan yang paling mudah bagi penduduk Nusantara mempelajari agama Islam, sehingga bahasa Melayu tersebar luas melalui penulisannya dan dianggap sebagai bahasa kedua selepas bahasa Arab. Asas pendidikan agama beliau bermula di Ranir, India. Antara gurunya ialah Abu Hafs bin Abdullah Ba Syaiban al-Tarimi al-Hadrami (Syed Umar al-Aydrus). Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Mekah dan bertemu serta bersahabat dengan Abd al-Rauf al-Fansuri seorang penulis dan ulama dari Aceh. Antara lain, beliau juga menulis dalam bahasa Arab bercampur Melayu yang ditulis di Pahang pada tahun 1045 H (1635 M) kemudiannya dibawa ke Aceh. Kitab ini sudah dicetak dan diberi judul *al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Āhādīth al-Nabawiyyah* dan diletakkan bersama kitab *Hasyiyah Jāmi' al-Fawā'id* karangan Daud bin Abdullah al-Fatani (Mekah, 1311 H)⁹³. Setelah tamat belajar, beliau belseyar ke Aceh dan tinggal di sana selama 7 tahun (1638 M.-1644 M) kemudian dilantik sebagai mufti Aceh⁹⁴.

Beliau lebih cenderung kepada fahaman Māturīdī yang bermazhab Ḥanafī. Buktinya beliau cuba menterjemahkan kitab *Syarḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah*, karangan Sa'd al-Dīn al-Taftazānī dan mengubah judul kitab tersebut dengan nama *Durrah al-Farā'id bi Syarḥ al-'Aqā'id*. Kitab ini juga adalah saduran dari kitab *Mukhtasar al-'Aqā'id* oleh Najm al-Dīn al-Nasafī⁹⁵.

⁹³ Mahayuddin Haji Yahya (1994), *op.cit.*, h. 48.

⁹⁴ H.M.Zainuddin (1966), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, h. 256; Ahmad Daudy (1983), *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin al-Raniri*, Jakarta: Penerbit CV. Rajawali, h. 13.

⁹⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 107.

b. **Daud bin Abdullah al-Fatani (m. 1847 M)⁹⁶**

Beliau mendapat pendidikan asas pondok di daerah Gerisik kemudian melanjutkan pelajaran di Aceh dan berhijrah ke Mekah dan Madinah. Bermula dari sini beliau mula menghasilkan karyanya dalam tulisan Jawi sekitar abad ke 19 M. iaitu selama 30 tahun dalam bahasa Melayu dan Arab. Beliau telah menghasilkan 57 buah kitab dalam pelbagai bidang. Hasil karyanya merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti *fiqh*, akidah, tasawuf, cerita para nabi dan lainnya. Karya-karya beliau menjadi teks pengajian, rujukan dan kajian pelajar-pelajar Islam di Nusantara sehingga ke hari ini⁹⁷.

Sumber perolehan ilmu beliau melalui beberapa orang guru, antaranya: Muhamad Salleh bin Ibrahim al-Rais (mufti al-Syafi'iyyah di Mekah), Ali Ishak al-Fatani dan Muhamad Salleh bin Abdul Rahman al-Fatani, Syed Ahmad bin Syed Muhammad Ramadan dan Syaikh Muhammad As'ad bin Syaikh Muhammad Sa'id Tahir. Justeru, beliau seorang yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu dan dapat dilihat melalui karya-karya beliau yang menyentuh pelbagai disiplin ilmu⁹⁸.

⁹⁶ Namanya Daud bin Abdullah bin Idris@ Senik al-Fatani, keturunan Faqih Ali. Dilahirkan di Kampung Bendang Gucil, Parit Marhum, Gerisik, Patani tahun 1133 H atau 1721 M. Meninggal dunia di Mekah pada 8hb. Julai 1847 M.

⁹⁷ Ismail Che Daud (2001), *op.cit.*, h. 38.

⁹⁸ Manuskrip beliau ialah, antaranya: *Nahjah al-Rāghibīn*, *Ghāyah al-Taqrīb*, *Bulūgh al-Marām*, *Jāmi' al-Fawā'id*, *Minhāj al-'Ābidin ilā Jannah Rabb al-'Ālamīn*, *Kanz al-Manān*, *Munyah al-Muṣallī*, *Fath al-Mannān*, *al-Jawāhir al-Thāniyah*, *Sullam al-Mubtadi'*, *Furū' al-Masā'il wa Usūl al-Masā'il*, *Bughyah al-Tullāb li Murid Ma'rīfah al-Āhkām bi al-Šawāb*, *al-Šayd wa al-Zabā'ih*, *al-Bahjah al-Thāniyah fi al-'Aqā'id al-Sunniyah*, *Diyā' al-Murid*, *Muta'allim*, *Fath al-Manānī li al-Šafāwī*, *al-Zubād*, *Mudarakāt al-Ihwān*, *Tahṣīl*, *Waṣāyā al-Abrañ wa Mu'āz al-Akhyār* dan *Manhal al-Šūfi*. Ismail Che Daud (2001), *op.cit.*, h. 38.

Antara mereka yang seangkatan pengajian dengan beliau di sana ialah Abdul Samad al-Falembani dan Muhammad Arsyad al-Banjari. Selain itu, beliau juga pengikut Tarikat Syatariyyah di Asia Tenggara yang sebelum ini diamalkan oleh Abdul Rauf Singkel⁹⁹.

Lantaran beliau yang menetap di Mekah, kitab karangannya dibawa dan diedarkan oleh muridnya yang menuntut dengan beliau di Mekah dan yang menunaikan fardu haji dari Nusantara. Terdapat kalangan mereka yang menyebarkannya melalui pengajaran dan menjadikannya sebagai teks.

Antara manuskrip yang beliau hasilkan ialah: *Ward al-Zawāhir*¹⁰⁰, *al-Muswaddah*, *Kifāyah al-Muhtāj*, *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Katim Nabi*, *Hikayat Kejadian Baginda Rasulullah*, *al-Durr al-Thamīn*, *Hikayat Bulan Berbelah Dua*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Nabi Wafat*¹⁰¹, *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdi*¹⁰², *Kasyf al-Ghumyāh*¹⁰³, *Hidāyah al-Imām*¹⁰⁴ dan lainnya.

⁹⁹ DBP (1999), *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, 4 : 2391.

¹⁰⁰ Ia sebuah karya Melayu yang pertama dan paling lengkap membincarakan mengenai Usuluddin.

¹⁰¹ Abu Hassan Sham (1991), "Pengaruh Karya-Karya Syeikh Daud Fatani Dalam Sastera Melayu", dlm. *Koleksi Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Keempat (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani)*, Kuala Lumpur: Pusat Islam, h. 10.

¹⁰² Kitab ini adalah terjemahan dari kitab karangan Mirghani bin Yusuf. Lafaz hadith asal dikekalkan di dalam teks dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kitab ini mengandungi hadith-hadith tentang Imam Mahdi.

¹⁰³ Kitab ini adalah terjemahan dari kitab asal karangan 'Abd al-Wahhāb al-Sya'rānī.

¹⁰⁴ Kitab ini membincangkan tentang ilmu *rijāl al-Hadīth*.

c. Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani (m. 1856 M)

Beliau berasal dari kaum keluarga ulama dengan mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri ulama terkenal iaitu Wan Mohamad Zain bin Wan Mustafa. Beliau juga berguru dengan bapa saudaranya Tuk Guru Bendang Daya. Sejak berusia 12 tahun sudah menjadi seorang yang alim dan diakui oleh masyarakat¹⁰⁵.

Kemudiannya beliau melanjutkan pelajaran ke Mekah. Antara guru beliau di sana ialah: Ahmad bin Zaynī Dahlān, Nik Dir Patani, Wan Ali Kutān dan Nik Mat Kecik Patani (m. 1915 M.). Di sana juga, beliau sempat belajar ilmu perubatan dengan seorang doktor India terkenal iaitu ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Abd al-Raḥīm al-Kābūlī. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Baitul Maqdis dan Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau merupakan pelajar Melayu pertama menuntut di sana. Kemudian beliau kembali ke Mekah semula dan mengajar di sana¹⁰⁶. Terkenal sebagai ulama yang mempunyai 47 disiplin ilmu dan pengarang terkenal dalam ilmu penguasaannya yang merangkumi ilmu-ilmu keagamaan juga keduniaan¹⁰⁷.

Lantaran disiplin ilmu yang pelbagai, beliau telah menghasilkan karya yang merangkumi berbagai bidang ilmu dan kebanyakannya telah dicetak, antaranya: *Hadiqah al-Azhār wa al-Rayāḥīn*, *Bisyārah al-Āmilīn wa Naẓārah al-*

¹⁰⁵ Ismail Che Daud (2001), “Syaikh Daud al-Fatani (1769-1847)”, dlm. *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, e. 3. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), h. 139 dan 140.

¹⁰⁶ *Ibid.*, h. 140.

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 145.

Għāfilin, 'Uqd al-Juman fī 'Aqā'id al-Imān, Farīdah al-Farā' id fī 'Ilm al-'Aqā'id
dan *Bahjah al-Mubtadin wa Farḥah al-Mujtadin*¹⁰⁸.

Beliau juga merupakan seorang penyair yang berkebolehan menguasai bahasa dan penulisan Arab dengan kepakaran dalam tatabahasa dan nahu Arab juga dalam ilmu *fīqh*. Buktinya, beliau adalah orang yang pertama diamanahkan oleh Kerajaan Islam Turki Othmaniyah mengendalikan percetakan bahasa Melayu pertama di Kota Mekah bernama al-Maṭba‘ah al-Mīriyah pada tahun 1884 M. Beliau menumpukan usaha dalam bidang percetakan penulisan ulama Nusantara dan mengumpul koleksi mereka termasuk karya-karya Daud al-Fatani, Zainal Abidin, Abdul Samad al-Falembani dan Muhammad Arsyad al-Banjari¹⁰⁹.

Beliau juga mempunyai murid yang ramai yang menjadi tokoh Islam, ulama, mufti, kadi, mudir sekolah agama, guru pondok, penceramah, pendakwah dan sebagainya di merata ceruk alam Melayu.¹¹⁰ Disenaraikan seramai 40 orang muridnya yang menjadi ulama yang terkenal, antara mereka ialah¹¹⁰: Nik Mahmud bin Nik Ismail, Menteri Besar Kelantan, Haji Ibrahim, Mufti Besar Kelantan, Mohamad bin Mohamed Said, mufti Negeri Sembilan, Khatib Jabar, imam di Sambas, Kalimantan Barat, Haji Mohamad Salleh, kadi besar di Kemboja, Haji Awang Mohamad Yusuf, Tuk Kenali di Kelantan, muridnya yang mewarisi 24 disiplin ilmu daripadanya yang berguru dengannya selama 20 tahun¹¹¹.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 148.

¹⁰⁹ *Ibid.*, h. 143.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 157-162.

¹¹¹ *Ibid.*

d. Nik Mat Kechik Patani (m. 1915 M)¹¹²

Beliau dilahirkan di Pulau Duyong Kecil, Kuala Terengganu. Beliau merupakan cucu angkat kepada Daud bin Abdullah al-Fatani dan dibawa ke Mekah. Beliau membesar di sana dengan mendapat didikan agama yang sewajarnya dari beberapa orang ulama di sana, seperti: Abdul Qadir bin Abdullah al-Fatani, Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani serta beberapa guru di Jabal Hindi¹¹³.

Hasil pendidikan ini dan kemampuannya menguasai bahasa Arab dengan baik, beliau muncul menjadi seorang alim, berkebolehan mengajar, mengarang serta menterjemahkan kitab-kitab berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Antara karya yang beliau hasilkan: *Al-Bahjah al-Mardiyah*, *Maṭla‘ al-Badrayn*, *al-Kawkab al-Durri fī al-Nūr al-Muhammadi*, *al-Durr al-Basīm fī Aṣḥāb al-Kahf wa al-Raqīm*, *Wisyāh al-Afrāh wa Iṣābah al-Falāḥ* dan *al-Bahr al-Wāfi*¹¹⁴.

Beliau menghasilkan ramai murid yang menjadi tokoh agama dan masyarakat, antaranya: Tok Kenali (m. 1933 M), Tok Kemuning (m. 1934 M), Tok Jerulong (m. 1939 M), Haji Awang ‘Kechik’, Dato’ Laksamana Kelantan (Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said Khatib, Kota Bharu), Tok Perlis (m. ±1922 M), Tengku Besar Indera Raja Kelantan, Wan Ahmad bin Muhammad

¹¹²Nama lengkapnya ialah Wan Muhammad bin Wan Ismail (1844-1915). Karyanya sering menggunakan nama Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani

¹¹³Ismail Che Daud (2001), *op.cit.*, h. 190 dan 191.

¹¹⁴*Ibid.*, h. 193-199.

Zain al-Fatani (m. 1908 M), Sultan Zainal Abidin III bin Sultan Ahmad II Terengganu dan ramai lagi¹¹⁵.

3.4.2 Beberapa Contoh 'Manuskrip Hadith Melayu

Kajian ini merasakan penting diperkenalkan secara ringkas beberapa contoh manuskrip hasil karya penulis Melayu. Antaranya:

a. *Akhbār al-Ākhirah fī Aḥwāl al-Qiyāmah*

Kitab ini adalah hasil karya Nuruddin al-Raniri pada tahun 1052 H bersamaan 1642 M. Beliau menyatakan di dalam tulisannya, perkara yang mendorong beliau menghasilkan karya ini ialah kedapatan karya yang diJawikan sebelumnya dari kitab asal berbahasa Arab mengabaikan fakta penting dan bersalah dengan kitab asal dan tidak menepati maksud sebenar. Justeru, atas permintaan Sultanah Aceh iaitu Sultan Safiah al-Din, kitab ini dihasilkan.

Pengarangnya menyatakan kitab ini adalah hasil terjemahan dan himpunan daripada kitab asal berbahasa Arab, iaitu *Durrah al-Fākhirah min Kasyf 'Ulūm al-Ākhirah* dan *Daqā'iq al-Haqā'iq* oleh Imam al-Ghazzālī, 'Ajā'ib al-Malakūt karya Abū Ja'far, *al-Bustān* karya Abū al-Layth al-Samarqandī juga *Tafsīr Ma'alim al-Tanzīl*. Hasil gabungan sumber-sumber ini beliau menamakan dengan nama baru iaitu *Akhbār al-Ākhirah fī Aḥwāl al-Qiyāmah*¹¹⁶.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 192 dan 193.

¹¹⁶ Nuruddin al-Raniri (1642 H.), *Akhbār al-Ākhirah wa Aḥwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471.

Kitab ini mengandungi tujuh bab iaitu:

- i. Kejadian Nabi Muhammad s. 'a.w..
- ii. Kejadian Nabi 'Ādam 'a.s.
- iii. Kematian serta *sakārat al-mawt*.
- iv. Tanda-tanda kiamat serta perkara yang berkaitan dengannya.
- v. Huru hara kiamat
- vi. Sifat-sifat neraka dan penghuninya.
- vii. Sifat-sifat syurga dan penghuninya.

Setakat kajian ini dijalankan, karya beliau ini belum pernah diterbitkan dalam bentuk cetakan. Namun judul ini sering disenaraikan dalam karangan Nuruddin melalui kertas kerja, majalah juga buku-buku ilmiah. Karya beliau ini telah menarik perhatian kalangan intelek dan pengkaji kesusasteraan Melayu klasik. Karya ini belum lagi ditransliterasikan atau dilakukan kajian secara khusus dan terperinci. Cerita yang terdapat di dalam karyanya amat popular di Aceh kerana isinya yang menarik¹¹⁷.

Antara isi menarik yang dikupas oleh pengarangnya ialah mengenai kejadian Nur Nabi Muhammad s. 'a.w. yang merupakan asal kejadian semua makhluk di alam ini (kupasan ini tidak jauh bezanya dengan kupasan dalam manuskrip Melayu yang lain). Diikuti pula bab kedua yang menceritakan mengenai kejadian manusia pertama, bapa segala manusia iaitu Nabi 'Ādam 'a.s. Ia dikupas dengan menarik sekali dengan menceritakan asal usul dan jenis tanah

¹¹⁷ H.W.M. Saghir (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2 : 57.

untuk menjadikan Nabi 'Ādam serta proses-prosesnya. Ia juga menceritakan Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawa yang digoda oleh Iblis sehingga diturunkan ke bumi di tempat yang berasingan. Mereka akhirnya bertemu di Arafah dan Nabi 'Ādam 'a.s. wafat dengan meninggalkan 40,000 anak cucu.

Seterusnya dalam bab ketiga menceritakan tentang kematian dan sakaratul maut. Ia menceritakan malaikat maut yang bersoal jawab dengan nyawa, suara dari langit yang menakutkan orang yang hendak mati, suara dari kubur, siksaan mayat dan sebagainya. Bab keempat pula menceritakan antara lain tentang Imam Mahdi, Dajjāl, Nabi 'Īsā, Ya'jūj dan Ma'jūj, Dābbah dan sebagainya.

Bab kelima pula meniceritakan hal-hal yang berkaitan dengan kiamat. Bab ini adalah yang paling panjang perbahasannya. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai tiupan šūr, bentuk šūr dan tempoh antara tiupan tersebut. Manakala bab keenam pula tentang neraka dan isinya yang mempunyai tujuh pintu serta siksaannya. Manakala bab akhir ialah mengenai syurga serta lapan pintu dengan segala isinya, nikmat yang tidak pernah dilihat dan didengar serta dirasai di dunia ini.

b. *Kasyf al-Ghaybiyyah Fi Aḥwal Yawm al-Qiyāmah*

Manuskrip ini adalah hasil karya Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani pada tahun 1301 H. Kitab ini disusun oleh pengarang kepada 10 bab yang membicarakan beberapa perkara yang berkaitan dengan alam ghaib. Bab-bab tersebut ialah:

- i. Kejadian Roh.
- ii. Kejadian Nabi 'Ādam 'a.s.
- iii. Kejadian segala malaikat.
- iv. Keadaan Malaikat r̄haut mencabut roh dari jasad.
- v. Alam barzakh.
- vi. Kedudukan roh selepas berpisah dari jasad.
- vii. Alamat kiamat.
- viii. Huru hara Kiamat.
- ix. Sifat Neraka dan penghuninya.
- x. Sifat Syurga dan penghuninya¹¹⁸.

Pengarangnya ada menyatakan bahawa antara sumber penulisannya di dalam manuskrip ini:

- i. *Daqā'iq al-Akhbār fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, karya 'Abd al-Rahim bin Aḥmad al-Qādī.
- ii. *Al-Durr al-Hisān*, oleh al-Suyūṭī.
- iii. *Masyāriq al-Anwār*, oleh Hasan al-'Adwī.

c. *Ward al-Zawāhir*

Manuskrip ini adalah hasil karya Daud bin Abdullah al-Fatani pada tahun 1245 H. Ia membincarkan mengenai perkara-perkara berikut, antaranya:

- i. Berkennaan dengan salawat.
- ii. Syarat sah Islam orang bukan Islam.

¹¹⁸ MSS 2404, PMM-PNM.

- iii. Perdebatan iblis dengan Allah.
- iv. Asal diturunkan semua kitab kepada nabi di dalam bahasa Arab.
- v. Iblis mempengaruhi Firaun.
- vi. Pendapat Imam Sarūṣī mengenai bid'ah.
- vii. Asy‘arī berhujah dengan gurunya Jubbā’ī.
- viii. Hikayat Nabi Yūnus.
- ix. Isrā’ dan Mi‘rāj.
- x. Peperangan Badar dan Uhud.
- xi. Hikayat Siti Maryam, ibu Nabi ‘Isā.
- xii. Nabi Sulaymān.
- xiii. Munkar dan Nakir.
- xiv. Suratan amal. *
- xv. ‘Arasy dan *Kursiyy*.
- xvi. Kisah ’Ādām ‘a.s. dan isterinya di dalam syurga dan lain-lain lagi.

سے
وَ

Manuskrip yang tebal ini ditulis tanpa menggunakan fasal atau bab. Ia bercampur aduk tanpa mengasingkan antara bidang perbincangan. Menurut pengarangnya, ia adalah terjemahan dari karyanya *Iqdah al-Jawāhir*¹¹⁹.

d. *Al-Durr al-Thamīn Fi ‘Aqā'id al-Mu'minīn*

Manuskrip ini adalah hasil karya oleh Daud bin Abdullah al-Fatani pada tahun 1232 H di Mekah. Manuskrip ini disusun tidak mengikut fasal atau bab tertentu. Ia membicarakan mengenai persoalan akidah berdasarkan aliran Ahli al-

¹¹⁹ MSS 2550, PMM-PNM.

Sunnah wa al-Jama'ah. Di dalamnya membincarakan mengenai konsep ilmu Usuluddin yang wajib diketahui dasarnya yang 10 sebagaimana yang digariskan oleh Ahmad bin Muhammad al-Suhaymi. Penulisnya meneruskan perbicaraan mengenai mengesakan Allah, ma'rifah Allah melalui sifat-sifat-Nya, kedudukan para nabi dan mu'jizat mereka, kehidupan sesudah mati serta menyentuh mengenai kebaikan ilmu agama.

Penulisnya mengatakan hasrat ini timbul dari hatinya sendiri untuk menghimpunkan pendapat-pendapat ulama muktabar dalam ilmu kalam dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (Jawi) agar dapat dihayati oleh mereka yang tidak dapat menguasai bahasa Arab¹²⁰.

3.7 Kesimpulan

Merujuk kepada perkembangan manuskrip hadith Melayu, kajian ini mendapati sebahagian besar penulis-penulisnya mempunyai pendidikan dari Asia Barat, terutamanya Mekah, Madinah dan Mesir. Guru-guru mereka adalah kalangan bangsa Arab juga Melayu. Justeru, disiplin dan metod penghasilan manuskrip adalah hampir sama walaupun berlainan negeri asal mereka. Pengambilan sumber Islam berbahasa Arab karangan ulama muktabar sebagai rujukan utama adalah ciri utama mereka di dalam menghasilkan karya.

Berkaitan dengan bidang atau topik perbincangan, tumpuan diberikan kepada bidang-bidang utama seperti usuluddin, *fiqh* juga tasawuf. Malah dalam

¹²⁰ MSS 2433, PMM-PNM.

karya mereka ada yang dicampur antara bidang-bidang ini. Mereka menggunakan ayat Al-Qur'an, riwayat serta pandangan ulama sebagai fakta perbincangan. Malahan ada yang dalam bentuk terjemahan atau susunan atau suntingan kepada bahan-bahan berbahasa Arab.

Justeru, mereka menukilkhan apa sahaja fakta yang boleh menjelaskan topik perbincangan dan difahami oleh masyarakat Melayu dan menarik minat masyarakat yang lebih menggemari cerita-cerita pelik dan menghiburkan. Karyakarya yang mempunyai ciri-ciri begini lebih diminati oleh masyarakat dan dijadikan bahan pengajaran di tempat-tempat pengajian. Tambahan pula manuskrip itu adalah karya ulama besar dan terkenal.

Begitu juga dibawa kisah-kisah dan cerita para nabi dan rasul, supaya masyarakat dapat menyesuaikannya dengan kandungan Al-Qur'an, agar masyarakat dapat menghayatinya dan mengambil pengajaran. Antara lain lagi, karya yang menyentuh tentang permulaan kejadian, ia ingin memberi gambaran kekuasaan Allah yang melebihi segalanya. Dengan jalan cerita yang amat mengagumkan, masyarakat akan mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah, begitulah seterusnya.